



ADUN Lumadan antara graduan UTM diraikan

Oleh [Mary Victoria Dass](#) - November 26, 2022 @ 4:56pm
bhnews@bh.com.my



Ruslan ditemani Nursiah pada Majlis Konvokesyen UTMSPACE 2022 di Dewan Sultan Iskandar UTM hari ini. - Foto NSTP/Mary Victoria Dass

JOHOR BAHRU: Faktor usia tidak menjadi penghalang kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lumadan, Datuk Ruslan Muharam, 60, untuk mengenggam Sarjana Profesional Sains Politik di Majlis Konvokesyen UTMSPACE 2022 sempena Konvokesyen Ke-66 Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Dewan Sultan Iskandar di sini, hari ini.

Ruslan yang memiliki lima anak dan 14 cucu berkata, dia amat gembira kerana dapat menamatkan pengajian biarpun menghadapi pelbagai cabaran terutama membabitkan tugas dan tanggungjawab sebagai wakil rakyat.

Katanya, dia yang mendaftar pengajian sarjana pada 2020 bagaimanapun menggunakan waktu terluang ketika pandemik COVID-19 dengan sebaik mungkin bagi mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

Beliau berkata, isterinya, Datin Nursiah Santri, 57, dan ahli keluarga turut menjadi pendorong supaya dia mengejar impian bagi mempertingkatkan tahap akademiknya.

"Saya melanjutkan pelajaran untuk kepuasan diri kerana seronok apabila dapat memperbaiki pencapaian akademik.

"Antara cabaran dihadapi ketika mengikuti pembelajaran termasuk apabila kawasan saya dilanda banjir kilat dan baru-baru ini pula, Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), namun saya tidak berputus-asa dan berjaya menyiapkan tugas pengajian dalam tempoh ditetapkan.

"Bagi saya usia bukan alasan enggan menimba ilmu dan saya berharap semua golongan terutama belia menggunakan peluang yang ada untuk menaik taraf kehidupan masing-masing terutama dari segi akademik.

"Semangat saya mahupun golongan veteran lain yang bersungguh-sungguh melanjutkan pengajian perlu dijadikan inspirasi oleh golongan muda dan ibu bapa perlu mengambil berat soal pembelajaran anak dari usia muda kerana pendidikan penting bagi menjamin kehidupan seseorang," katanya.

Seramai 744 graduan membabitkan 173 graduan sarjana profesional, 509 graduan diploma profesional serta 62 diploma eksekutif diraikan di Dewan Sultan Iskandar UTM di sini, hari ini.

Mereka adalah penuntut daripada 32 Rakan Kerjasama UTMSPACE dan Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (FTIR).

Majlis penyampaian disempurnakan Naib Canselor UTM, Prof Datuk Ir Ts Dr Ahmad Fauzi Ismail yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE, Prof Dr Nazri Ali.

Kebanyakan graduan yang memohon program di UTMSPACE adalah golongan yang sudah berkerjaya dan terbabit secara langsung dalam industri.

Menerusi pengalaman kerja sedia ada, penganugerahan ini menjadi nilai tambah bagi graduan meningkatkan kualiti dan status sosial ekonomi mereka pada masa depan.